

## Penglibatan Orang-orang Jepun Dalam Sektor Ekonomi Di Negeri Johor Pada Awal Abad Ke-20

KASSIM BIN THUKIMAN

Negeri Johor merupakan kawasan yang menjadi tumpuan utama golongan pedagang dari luar negeri, khususnya dari China,<sup>1</sup> India dan Arab.<sup>2</sup> Orang-orang Jepun juga merupakan sebahagian dari pedagang asing yang terlibat secara aktif dalam menjalankan pelbagai kegiatan ekonomi, khususnya perlombongan dan perladangan. Ini mungkin disebabkan kedudukan geografinya yang agak strategik kerana berhampiran dengan pelabuhan Singapura, yang merupakan penghubung jalan perdagangan di antara Timur dan Barat. Tambahan pula, negeri Johor mengamalkan dasar tanah yang liberal dan sistem hak milik diperkenalkan sejak tahun 1910.<sup>3</sup> Dalam kertas ini, penulis ingin menumpukan perhatian kepada kedatangan orang-orang Jepun ke Tanah Melayu, khususnya di Johor, dan membincangkan penglibatan mereka dalam kegiatan ekonomi di Johor. Tumpuan penulisan ini ialah pada sekitar awal abad ke-20, iaitu zaman sebelum penjajahan Jepun di Tanah Melayu.

Bermula pada tahun 1860-an, ekonomi Johor menikmati kemajuan yang menggalakkan dan menjelang akhir abad ke-9 industri getah mula menggantikan tanaman gambir dan lada hitam serta kopi.<sup>4</sup> Orang-orang Jepun memang telah melibatkan diri secara langsung dalam kegiatan ekonomi di Tanah Melayu. Fenomena ini amat ketara berlaku di Tanah Melayu semasa berlakunya Perang Dunia Pertama di antara tahun 1914-1918. Syarikat-syarikat Jepun lebih berminat dalam pelbagai kegiatan ekonomi, terutamanya perladangan getah. Menurut Eric Robertson, perkembangan kegiatan perlombongan, pertanian dan perniagaan oleh syarikat Jepun berterusan di Tanah Melayu dalam jangkamasa sedekad selepas Perang Dunia Pertama.<sup>5</sup> Lebih menarik lagi, penguasaan Jepun dalam bidang ekonomi di Tanah Melayu perlu dikaitkan dengan programnya untuk menguasai bidang-bidang lain khususnya politik. Eric Robertson mengulas bahawa "The history of Japanese penetration in Malaya alone cannot give a complete picture of the relationships of the societies and their significance".<sup>6</sup> Oleh yang demikian, para pengkaji sejarah selalu menghubungkan penguasaan Jepun dalam pelbagai bidang dengan strategi perisikannya yang berpusat di Bangkok. Ia merupakan faktor terpenting yang menyebabkan kekalahan pihak Berikat di Asia Tenggara dengan begitu mudah di tangan

Jepun semasa berlakunya Perang Dunia Kedua.<sup>7</sup> Walau bagaimanapun, pada tahun 1936, kegiatan ekonomi mereka mulai berkurangan disebabkan dasar kerajaan Jepun yang *ofensif* dengan berlakunya Perang China-Jepun pada tahun 1937 dan program *Pensemakmuran Asia Timur Raya* semasa berlakunya Perang Dunia Kedua.

Syarikat Jepun pernah mendapat pertolongan dari Sultan Johor untuk mendapat kelulusan menjalankan kegiatan ekonomi di negeri Johor. Seorang pengusaha Jepun bernama Retsunosuke Kawashima telah dibenarkan membuka tanah untuk penanaman padi dan pertanian komersial di dalam daerah Chohong, Muar. Ia meliputi kawasan seluas 1,000 ekar.<sup>8</sup> Beliau juga dibenarkan untuk mengimpor dan memperkenalkan buruh-buruh Jepun dalam kegiatan penanaman padi dan pertanian yang lain. Walau bagaimanapun, dalam satu memorandum yang dikeluarkan menyatakan bahawa Retsunosuke Kawashima yang berumur 74 tahun telah memajak kawasan hutan seluas 150,000 ekar di Muar selama 99 tahun mulai tahun 1897 dari Sultan Johor.<sup>9</sup> Sebenarnya, Kawashima pernah meminta kawasan seluas 2,000 ekar tanah di Tanjung Olak, 1,000 ekar di Parit Jawa dan 2,000 ekar lagi dalam daerah Chohong kerana hendak bersawah padi dan lain-lain tanaman.<sup>10</sup> Walau bagaimanapun, kerajaan Johor susah sedikit hendak meluluskan permohonan tersebut kerana beliau pernah dikurniakan kawasan seluas 1,000 ekar dalam daerah Chohong tetapi tidak diusahakannya. sehingga habis tempoh kebenaran selama setahun. Menurut Setiausaha Kerajaan Johor, "... oleh sebab kerajaan dengan sangat suka menarik orang-orang luar masuk ke dalam jajahan Johor istimewa bangsa Jepun itu yang sangat masyhur usahanya, sukalah kerajaan bertemu dengan kehendaknya pada separuh jalan iaitu katalah diberi kepadanya sekali lagi yang 1,000 ekar dalam Chohong yang telah mansuh surat kebenaran itu ataupun 1,000 ekar pada satu dari tempat-tempat lain yang telah disebutnya baru ini sama ada di Tanjung Olak atau di kaki Bukit Mor Padang mana-mana yang disukainya."<sup>11</sup>

Kerajaan Negeri Johor memang menggalakkan kehadiran orang-orang asing, khususnya dari Jepun untuk mengusahakan kegiatan ekonomi di Johor. Menurut Setiausaha Kerajaan Negeri lagi, "dalam menyatakan hal ini kepada tuan Jepun itu Dato' [Dato' Mohamad bin Mahbub] katakanlah yang kerajaan pada sebarang masa di belakang kelak akan sedia memberi tanah lagi kepadanya atau kompeninya [syarikat] sekadarkan ada bertahan sedikit pada masa ini oleh sebab hendak menengokkan adakah tidak sebenarnya syarat bagi kompeni itu boleh memasukkan orang dan mengarahkan tanah dengan sempurna ..."<sup>12</sup> Menurutnya lagi, kerajaan Johor sangat-sangat suka akan bangsa Jepun masuk berniaga dan berbuat lain-lain perusahaan dalam jajahan Johor. Ini disebabkan kerajaan Johor berpandangan bahawa "bangsa itu sangat tinggi dan demikian terlalu suka akan memberi sebarang timbangan dan pertolongan yang patut atas kompeni itu".<sup>13</sup> Pemberian tanah itu dibuat dengan syarat yang sama seperti yang diberikan kepada orang Eropah

kecuali bagi mereka yang bertanam padi, cukai yang dikenakan sama seperti orang Melayu.

Syarikat Consolidated Sango Koshi Limited, juga pernah memohon mendapatkan tanah dari kerajaan negeri Johor melalui Sultan Johor. Kawasan tanah yang dipohon terletak berhadapan dengan Estet Namazie di Jalan Batu Pahat dan kawasan hutan di daerah Kukup.<sup>14</sup> Kedua-dua kawasan tersebut meliputi keluasan 10,000 ekar. Syarikat tersebut amat berharap agar Sultan Johor meluluskan permohonan yang kedua itu. Syarikat itu bercadang mengusahakan penanaman getah di kawasan tersebut untuk menggantikan penanaman nanas.<sup>15</sup> Permohonan ini telah dimajukan oleh Setiausaha Sulit Sultan Johor kepada Menteri Besar Johor.<sup>16</sup> Setiausaha Kerajaan Johor telah meminta agar permohonan tersebut diserahkan kepada Pemungut Hasil Tanah, Johor Bahru.<sup>17</sup>

Sultan Johor juga pernah menghantar surat kepada Menteri Besar Johor bagi pihak Consolidated Sango Koshi Ltd. yang telah mempunyai ladang getah di Batu Pahat dan Pengerang. Dalam surat itu, syarikat tersebut telah mengetahui bahawa ladang getah di Pengerang hendak diambil oleh kerajaan Johor untuk kegunaan *War Office* atau *Naval Base*.<sup>18</sup> Baginda menasihati kerajaan Johor agar jangan mengambil tanah tersebut secara tergesa-gesa. Sultan Johor berpendapat ada baiknya difikirkan harga seekar tanah yang patut dibayar sebagai ganti rugi. Sultan Johor juga mencadangkan agar kerajaan Johor menggantikan tanah di Pengerang itu dengan sekeping tanah lain di daerah Batu Pahat atau Kukup untuk membuka kebun-kebun yang baru.<sup>19</sup> Sultan Johor merasakan bahawa daerah Batu Pahat tiada lagi kawasan tanah yang luasnya 10,000 ekar. Oleh itu baginda Sultan Johor mencadangkan kawasan di antara Pontian Kechil, Sungai Pontian Besar dengan Ayer Hitam yang sebelumnya dimiliki oleh J.B. David.<sup>20</sup> Oleh yang demikian, Sultan Johor meminta agar permohonan tersebut dianggap sebagai istimewa sebab syarikat tersebut tidak mahu mendapat ganti rugi dari kerajaan Johor sebab ia telah lama beroperasi di negeri Johor. Pihak pejabat Menteri Besar telah membalas surat tersebut,<sup>21</sup> dengan menyatakan bahawa pengambilan tanah kepunyaan syarikat Jepun di Pengerang itu hanyalah ura-ura sahaja. Menteri Besar telah memaklumkan kepada Sultan Johor kerana telah berjumpa dan berbincang dengan pengurus syarikat tersebut. Kerajaan negeri telah memasukkan permohonan tersebut untuk mencari kawasan yang difikirkan munasabah.

Kegiatan ekonomi berasaskan perladangan getah yang diusahakan oleh syarikat Jepun memang telah mendatangkan keuntungan yang besar. Syarikat Consolidated Sango Koshi yang merupakan salah sebuah syarikat terbesar di Johor telah meminta kebenaran dari pihak kerajaan untuk mendirikan jeti di sebuah kawasan *Naval Base* di Pengerang.<sup>22</sup> Kemungkinan ini untuk memudahkan perhubungan melalui jalan laut ke Singapura yang merupakan pangkalan pengusaha-pengusaha Jepun di rantau ini. Bagi pihak Pejabat

Tanah dan Lombong, Johor Bahru tiada sebarang halang, tetapi permohonan tersebut mestilah dirujuk kepada *Superintendent Civil Engineer, Naval Base*, Singapura berdasarkan peruntukan S.S. 3442/31.<sup>23</sup> Pihak Jabatan Laut di Singapura telah menentukan kawasan tersebut iaitu meliputi di antara Pengerang dan Kg. Belunghar [Belungkor], sepertimana yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Pertahanan Tempatan dan sangat hampir dengan Pulau Tekong Besar.<sup>24</sup> Mereka juga meminta keterangan lengkap mengenai jeti yang akan dibina, seperti bahan buaatannya sama ada kayu atau cerucuk konkrit, panjang jeti, berat muatan dan jenis kapal yang digunakan.<sup>25</sup>

Pada peringkat awal, berdasarkan catatan G.A. No. 286/19 artikel 5, syarikat Consolidated Sango Koshi juga dibenarkan untuk meneruskan pembinaan jalan keretapi (trolley line) yang menghubungkan estet getah, kawasan penempatan dan jeti.<sup>26</sup> Walau bagaimanapun berdasarkan artikel 6, kerajaan Johor akan mengambilalih dan menyelenggarakan jeti tersebut. Anggota tentera akan ditempatkan di kawasan tersebut jika diperlukan. Menurut suatu laporan, "... if the military require a more strongly constructed pier, they will probably build their own pier".<sup>27</sup> Bagaimanapun, terdapat percanggahan maklumat yang menyatakan Commissioner of Land & Mines tidak akan mengambil alih kawasan tersebut. Dalam kertas minit No. G.A. 855/1934, terdapat kenyataan yang menjelaskan bahawa pada 19 April 1934, Sir Richard Winstedt (General Advisor) dan pegawai Commisioner of Land & Mines, Johore telah mengadakan perbincangan dengan Ketua Jurutera, Tanah Melayu.<sup>28</sup> Mereka berbincang untuk mengambil alih kawasan jeti Tanjung Pengelih (Pengerang) dan keputusannya di antara lain menyebut bahawa kerajaan Johor patut mengambil semula kawasan tersebut dan akan menyelenggarakan untuk keperluan ketenteraan. Dalam mesyuarat Majlis Eksekutif pada 11 Nov. 1936, kerajaan telah mengesahkan untuk mengambil alih jeti di Tanjung Pengelih, Pengerang yang dimiliki oleh firma Jepun iaitu Consolidated Sango Koshi Limited. Ganti rugi yang dibayar dianggarkan sebanyak \$5,610.<sup>29</sup> Nilai ini dikira dari tarikh kemasukannya di Pengerang pada bulan Jun 1919 dan telah dipersetujui oleh firma tersebut. Akhirnya, kerajaan Johor telah memutuskan untuk mengambil alih jeti di Tanjung Pengelih dari pemilik Jepun.<sup>30</sup>

Syarikat Jepun juga telah memperluaskan lagi kegiatan ekonomi mereka di negeri Johor. Dalam satu memorandum General Advisor kepada Commisioner of Land & Mines, beliau menyatakan bahawa syarikat Jepun telah membeli sebuah ladang getah dari seorang Cina seluas 70 ekar yang bernilai \$10,000 di Bukit Belungkor.<sup>31</sup> Kawasan ini berhampiran dengan pangkalan di Seletar. Commisioner of Trade and Custom juga telah memaklumkan kepada General Advisor bahawa mereka telah menolak permohonan orang-orang Jepun untuk memindahkan hasil getah di antara Pasir Gogok dan Pengerang. Kesemua ini diberi perhatian yang berat oleh kerajaan British kerana bimbang tentang strategi orang-orang Jepun di Johor.

Local Defence Committee di Singapura telah menjelaskan bahawa perpindahan hak milik dari sebuah syarikat kepada sebuah syarikat asing hanya boleh disekat melalui syarat-syarat yang ketat (*compulsory acquisition*).<sup>32</sup> Syarikat Consolidated Sango Koshi Limited juga telah meluaskan asetnya dengan membeli *Estet Main Thye*, di Tanjung Surat yang meliputi kawasan seluas 813 1/2 ekar. Perpindahan hak milik dari Tan Hin Cheng (seorang perempuan) kepada syarikat tersebut dilakukan pada 3 Ogos 1935 bernilai \$47,000<sup>33</sup> tetapi harga tersebut tidaklah terlalu tinggi berbanding dengan keluasannya. Menurut catatan dalam Rubber Regulation Office, kawasan tersebut mengandungi tanaman kelapa seluas 100 ekar dan tanaman getah seluas 300 ekar. Sebahagian lagi ialah kawasan hutan dan getah yang tertinggal. Walau bagaimanapun, terdapat sedikit kesilapan iaitu taraf hak milik dan perpindahan tersebut tidak dimasukkan dalam senarai yang dikeluarkan oleh Commissioner of Land & Mines kepada Fort Canning pada 10 Oktober 1935.<sup>34</sup>

Syarikat Consolidated Sango Koshi Limited sangat bimbang kerana kegiatan ekonomi yang mereka usahakan akan tersekat kerana ladang mereka akan diambil oleh pihak kerajaan untuk keperluan ketenteraan. Kawasan Pengerang merupakan kawasan yang paling strategik dari segi ketenteraan kerana kedudukannya berhadapan dengan Laut China Selatan dan berhampiran dengan Singapura. Pada awal tahun 1934, kerajaan Johor bagi pihak War Office telah mengeluarkan notis untuk mengambil tanah seluas 701 ekar di Pengerang. Oleh yang demikian, syarikat tersebut telah menghantar satu kenyataan melalui peguam mereka iaitu Rodyk & Davidson.<sup>35</sup> Ia menyatakan bahawa syarikat tersebut merupakan pengusaha yang paling lama di Johor. Consolidated Sango Koshi memiliki tanah seluas 25,000 ekar; 10,000 ekar di Pengerang dan 15,000 ekar di Kulai. Seluas 2,576 ekar daripadanya telah diusahakan dengan tanaman getah. Syarikat tersebut telah mencadangkan kepada kerajaan agar ganti rugi dalam bentuk wang ditukar dengan kawasan tanah seluas 701 ekar di Kulai.<sup>36</sup> Dalam jawapan balas, General Advisor menyatakan bahawa berdasarkan undang-undang antarabangsa adalah mustahil untuk membenarkan syarikat tersebut mendapat kawasan tanah yang baru menggantikan ladang di Pengerang.<sup>37</sup> Menurutnyanya lagi, penilaian tanah tersebut akan dibuat kemudian.

Selain daripada Negeri Johor, pengusaha-pengusaha Jepun juga telah memperluaskan kegiatan ekonomi mereka di negeri-negeri lain. Walau bagaimanapun, ia hanya tertumpu di bahagian pantai barat Semenanjung Tanah Melayu (Lihat Jadual 1).

Jadual 1 : Penglibatan Pengusaha Jepun Dalam Kegiatan Perladangan  
Getah di Tanah Melayu Pada Tahun 1931

NEGERI	BUKAN ASIA	CINA	JEPUN	INDIA	MELAYU	JUM.
Perak	236,869	22,071	-	11,681	2,515	273,136
Selangor	303,880	28,035	2,043	6,756	753	341,467
N. Sembilan	234,377	23,597	5,667	6,797	1,615	272,053
Pahang	38,213	18,686	-	1,693	-	58,592
Jumlah	813,339	92,389	7,710	26,927	4,883	945,248

Sumber : V. Purcell, *The Chinese in Malaya*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1967, h. 241.

Orang-orang Jepun juga berminat dalam kegiatan perlombongan bauksit di Johor. Ini berdasarkan banyak permohonan telah dibuat oleh syarikat Jepun. Lampiran 5 menunjukkan syarikat-syarikat Jepun yang terlibat dalam kegiatan perlombongan di negeri Johor. Sultan Johor pernah mengarahkan Menteri Besar Johor supaya memperjelaskan segala butir-butir perkara seperti syarat dan harga tentang konsesi batu besi [bijih besi] di Batu Pahat yang diberikan kepada syarikat-syarikat Jepun.<sup>39</sup> Pejabat Menteri Besar telah menjelaskan butiran bayaran yang dikenakan ke atas syarikat pelombong Jepun di Batu Pahat, Mersing dan Kota Tinggi ialah:<sup>40</sup>

1. Premium sebanyak \$10.00 seekar
2. Sewa tanah sebanyak \$1.00 seekar
3. Cukai keluar 10% atas harga jualan. Biasanya dikenakan 50 sen pada satu tan. Tiada sebarang konsesi hak perlombongan.

Enakmen Perlombongan Johor menetapkan kadar premium yang dikenakan ke atas pelombong ialah \$10.00 seekar dan kadar sewa yang dikenakan ialah \$1.00 seekar.<sup>41</sup> Pemajakan sesebuah kawasan perlombongan mestilah mengikut syarat berikut iaitu "The leasee shall have the right to take and work iron ores within the area specified in the lease".<sup>42</sup> Tidak ada sebarang keistimewaan lain yang diperolehi oleh pemajak. Duti ekspot yang dikenakan ke atas hasil galian adalah berdasarkan ketetapan dalam Enakmen Kastam. Umpamanya bijih besi dan bauksit ialah 10% *ad valorem*, tetapi wolferam tidak dikenakan duti ekspot.<sup>43</sup>

Pesuruhjaya Tinggi British di Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu pernah menyatakan bahawa "bauxite is known to exist, but the quantity is difficult to assess".<sup>44</sup> Pengarah Urusan Furukawa Mining Company, Ltd., iaitu H. Koizumi pernah menghubungi Konsul British di Tokyo untuk

mendapat kebenaran menjalankan kegiatan perlombongan aluminium di Johor.<sup>45</sup> Syarikat tersebut memang telah mengusahakan perlombongan aluminium di Pulau Riau, di bahagian selatan Johor. Pada tahun 1929, H. Koizumi telah melawat beberapa tempat di bahagian pantai Johor dan mendapati longgokan aluminium. Permohonan telah dibuat oleh syarikat tersebut kepada kerajaan Johor, tetapi mesti mendapat kebenaran dari kerajaan Negeri-Negeri Selat. Furukawa Mining Company amat berminat terhadap kawasan tersebut kerana ia merupakan kawasan strategik. Kawasan tersebut hanya 40 batu dari Singapura, dan 30 batu dari pangkalan tentera laut British.<sup>46</sup> Tambahan pula, ia berhampiran dengan ladang getah kepunyaan syarikat Jepun.<sup>47</sup>

Hubungan di antara orang-orang Jepun dengan pentadbiran negeri Johor, khususnya Sultan Johor sangat rapat. Semasa perayaan sambutan hari jadi ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ibrahim pada 17 September 1933, baginda telah bersetuju “membenarkan permohonan taukeh-taukeh Cina mengadakan wayang Cina dan bagi orang India dan Ceylon (Sri Lanka) mengadakan wayang Keling dan membuat arca pada simpang jalan-jalan raya dan bagi tuan-tuan Jepun mengadakan permainan bunga api”.<sup>48</sup> Permainan bunga api diadakan di padang di belakang Guard Room (Balai Pengawal) Istana Besar, Johor Bahru. Selain daripada itu, Sultan Johor juga telah berkenan agar komuniti Jepun di Johor mewujudkan kebun bunga Jepun di dalam kawasan kebun bunga Istana Besar pada 15 April 1934.<sup>49</sup> Pihak Menteri Besar telah mensenaraikan nama bagi pihak orang-orang Jepun di Johor yang menyumbangkan untuk mewujudkan kebun bunga Jepun di Johor Bahru, sempena hari keputeraan Sultan Johor ke-62 dan ulang tahun ke-40 pemerintahan baginda (lihat lampiran 4). Sultan Ibrahim Johor juga dikatakan pernah menerima bintang kehormatan dari negara Jepun.<sup>50</sup> Ini menunjukkan bahawa hubungan yang sangat rapat telah terjalin di antara kerajaan Jepun dengan Johor. Semasa Sultan dan Sultanah Johor melakukan lawatan di Jepun, susunan aturcara telah dibuat oleh Fukuda, seorang pengusaha Jepun yang terkenal di Singapura serta mendapat sokongan dari Japanese Planters Association of Johore.<sup>51</sup> Fukuda dan Shiro Yamamura, Pengurus Yamai Rubber Estate telah menghantar salinan lagu negeri Johor ke Jepun untuk upacara sambutan rasmi di Tokyo.

Satu lagi bukti menunjukkan hubungan baik di antara komuniti Jepun dengan pentadbiran di Johor boleh dilihat dalam peristiwa tahun 1931. Presiden Persatuan Komuniti Jepun di Muar iaitu Dr. K. Nakamura bersama dengan beberapa orang pemimpin Jepun telah menghantar surat rayuan kepada General Advisor bagi pihak Kanaji Kitagawa<sup>52</sup> untuk dilepaskan dari sebarang hukuman.<sup>53</sup> Beliau dituduh kerana melakukan pembunuhan ke atas kekasihnya bernama Ohana di No. 51, Jalan Trus, Johor Bahru pada 31 Mei 1931. Ini disebabkan bahawa “his trust in his mistress’s fidelity was misplaced”. Pada bulan September 1931, beliau dijatuhkan hukuman gantung

oleh Mahkamah Tinggi, Johor Bahru, tetapi kemudiannya setelah merayu di Mahkamah Rayuan, Kanaji Kitagawa dihukum penjara selama 10 tahun. Persatuan Komuniti Jepun di Muar juga telah mengemukakan rayuannya kepada kerajaan Johor melalui Sultan Johor,<sup>54</sup> kerana wanita tersebut yang lebih tua umurnya dikatakan "... influence over him and literally controlled him".<sup>55</sup> Persatuan itu merayu agar Sultan memberi pengampunan khas dengan membebaskan Kitagawa dari penjara sempena perayaan Jubilee tersebut. Permohonan ini telah dimajukan oleh Setiausaha Sulit Sultan Johor kepada Menteri Besar.<sup>56</sup> Fenomena ini menunjukkan bahawa komuniti Jepun saling bekerjasama untuk menjaga kepentingan dan kebajikan di kalangan ahlinya. Ini juga boleh dilihat dalam Lampiran 3, yang mensesenaraikan Perwakilan Komuniti Jepun di Johor.<sup>57</sup>

Dalam satu hal lain, Tetsuichiro Koizumi bagi pihak Naoya Akuzawa yang mempunyai ladang getah di Pengerang dan Sri Gading, Batu Pahat telah menghantar petisyen kepada Sultan Ibrahim Johor untuk melepaskan sebarang hukuman yang dikenakan ke atas Chong Bee atau Chong Vui (berketurunan Kheh),<sup>58</sup> yang dituduh mengedar dadah dan dipenjarakan tiga setengah tahun.<sup>59</sup> Pada 29 September 1930, beliau telah dijatuhi hukuman penjara selama tiga tahun dan dihukum gantung sampai mati berdasarkan *Supreme Court Criminal Case No. 31/1930*.<sup>60</sup> Tetapi bagi pihak Jabatan Hal Ehwal Orang Cina di Johor tidak dapat memberi sokongan kepada pembebasannya. Walau bagaimanapun, dalam suratnya kepada Pengurus Sango Koshi Ltd., Setiausaha Kerajaan Johor telah memaklumkan Sultan Johor tidak bersedia untuk melepaskan Chong Bee daripada sebarang tuduhan.<sup>61</sup>

Hal ehwal kebajikan penduduk berbangsa Jepun juga diberi perhatian oleh pemerintah. Oleh kerana bilangan penduduk berketurunan Jepun semakin ramai di Tanah Melayu, maka terdapat permohonan dari Konsul Jepun kepada General Advisor di Johor untuk membenarkan lebih ramai pegawai-pegawai perubatan berbangsa Jepun untuk menjalani praktikal. Menurut pegawai perubatan British, "I am however not at all favourable to the wholesale registration of Japanese Practitioners. I have found that even the men with the higher Japanese qualifications were very unsuitable for estate work."<sup>62</sup> Tambahan pula, buruh-buruh Cina dan yang lain-lain dikatakan tidak begitu yakin dengan kebolehan doktor Jepun kerana masalah bahasa yang berbeza. Menurutnya lagi, "The Japanese Estates obtained these men with the lower qualifications at a very cheap rate of pay, and I fear that all our plantations will be flooded with cheap Japanese Doctors".<sup>63</sup> Oleh itu, adalah dicadangkan bahawa doktor yang mempunyai kelulusan diploma mestilah mendapat kelulusan daripada Gabenor Negeri-negeri Selat dan kelulusannya diiktiraf dan didaftarkan di Great Britain. Kemudiannya, Konsul Jepun di Singapura meneruskan usaha supaya pegawai-pegawai perubatan Jepun di Johor yang berdaftar di Negeri-Negeri Selat di bawah



Ordinan Pendaftaran Perubatan, meneruskan praktis mereka.<sup>64</sup>

Kesimpulannya, jangkamasa sebelum Perang Dunia Kedua adalah merupakan satu tahap penting kepada perkembangan kegiatan ekonomi di Tanah Melayu. Minat dan penglibatan pelbagai golongan pengusaha dari luar negeri, termasuklah Jepun, dalam kegiatan ekonomi perlombongan dan perladangan adalah menggalakkan. Singapura telah dijadikan sebagai pangkalan mereka untuk beroperasi khususnya di Tanah Melayu. Negeri Johor telah dijadikan tempat tumpuan mereka kerana kedudukan geografinya yang berhampiran dan mempunyai tanah yang luas dan subur. Inilah yang menyebabkan tahap tersebut sangat penting yang menunjukkan hubungan baik di antara Jepun dengan Johor.

#### NOTAKAKI

<sup>1</sup> Orang-orang Cina yang datang ke Johor lebih banyak dikaitkan dengan Sistem Kangchu. Lihat A.E. Coope, "The Kangchu System in Johore", dalam *JMBRAS*, Vol. XIV Part 3, 1936. Lihat juga M.A. Fawzi Basri, *Sistem Kangchu Dalam Sejarah Johore 1844-1917*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1984.

<sup>2</sup> Orang-orang berketurunan Arab juga merupakan golongan imigran yang berjaya dalam sektor ekonomi dan pendidikan di Johor. Malah terdapat di kalangan mereka yang mendapat tempat dalam pentadbiran negeri dan di istana Johor. Lihat Mahayudin Haji Yahaya, *Sejarah Orang Syed di Pahang*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1984. Lihat juga Saadiah Said, "Kegiatan Keluarga Al-Sagoff Dalam Ekonomi Negeri Johor 1878 - 1906", *Jurnal JEBAT*, Bil. 7/8, 1977/79.

<sup>3</sup> Lihat Rahimah Abdul Aziz, "Pengalaman Lepas dan Pembentukan Masa Depan Malaysia: Buruh di Johor, 1800-1945", Kertas Kerja Seminar Sejarah Malaysia Moden, UKM, Bangi, 21-22 Disember, 1992, hlm. 2.

<sup>4</sup> *Ibid.*, hlm. 3.

<sup>5</sup> Lihat Eric Robertson, *The Japanese File: Pre-War Japanese Penetration in Southeast Asia*, Heinemann Asia, Singapore, 1986, hlm. 9.

<sup>6</sup> *Ibid.*, hlm.2.

<sup>7</sup> Chin Kee Onn, *Malaya Upside Down*, Federal Publications, Kuala Lumpur, 1976, hlm. 4-5. Perisik Jepun ini diletakkan dalam pasukan Fifth Columnists berpusat di Bangkok yang diketuai oleh Fujiwara Kikan. Pasukan perisik ini lebih dikenali sebagai F-Kikan.

<sup>8</sup> Lihat sijil kelulusan yang dikeluarkan oleh Mohamed bin Mahbub, State Commissioner, Muar, 20 April 1898. Fail General Advisor, No. 692/1932.

<sup>9</sup> Lihat memo dalam fail General Advisor No. 692/32.

<sup>10</sup> Surat Dato' Seri Amar Diraja Abdul Rahman Andak, Setiausaha Kerajaan Johor kepada Dato' Mohamad bin Mahbob, Pesuruhjaya Kerajaan Muar, 30 Okt. 1899. Fail No. 274/99.

<sup>11</sup> *Ibid.*

<sup>12</sup> *Ibid.*

<sup>13</sup> *Ibid.*

<sup>14</sup> Lihat surat Pengurus, Consolidated Sango Koshi kepada DYMM Sultan Johor bertarikh 31 Ogos 1935. Fail Menteri Besar No. 332/1935.

<sup>15</sup> Ibid.

<sup>16</sup> Lihat surat Setiausaha Sulit Sultan Johor kepada Ungku Menteri Besar, bertarikh 2 Sept. 1935. Fail Menteri Besar No. 332/1935.

<sup>17</sup> Lihat surat Dato' Mohamed Salleh Ali, Setiausaha Kerajaan Johor kepada Pengurus, Consolidated Sango Koshi, Ltd., bertarikh 26 Sept. 1935.

<sup>18</sup> Surat dari Sultan Johor kepada Menteri Besar Johor bertarikh 11 April 1934. Lihat Fail Menteri Besar, No. 179/1934.

<sup>19</sup> Ibid.

<sup>20</sup> Ibid.

<sup>21</sup> Lihat surat Menteri Besar Johor, Abdul Hamid bin Yusoff kepada Sultan Johor bertarikh 19 Julai 1934. Fail Menteri Besar No. 179/1934.

<sup>22</sup> Lihat surat dari Commisioner of Lands & Mines, Johor Bahru kepada General Advisor bertarikh 2 Dis. 1935. Fail General Advisor No. 820/1935.

<sup>23</sup> Ibid.

<sup>24</sup> Lihat surat Commodore, H.M. Naval Office, Singapore bagi kepada Setiausaha Pesuruhjaya Tinggi bagi Negeri-negeri Melayu bertarikh 13 Dis. 1935. Fail General Advisor No. 820/1935.

<sup>25</sup> Ibid.

<sup>26</sup> Lihat Fail General Advisor No. 855/1934. Kebenaran untuk mengadakan sistem perhubungan menggunakan rel ini juga terdapat dalam Laporan Commisioner of Land & Mines, Johore. Lihat Fail General Advisor No. 453/1935. Walau bagaimanapun, laporan itu menyebut bahawa lama kelamaan, kawasan tersebut akan diisytiharkan sebagai kawasan simpanan untuk keperluan ketenteraan.

<sup>27</sup> Ibid.

<sup>28</sup> Lihat kertas minit mesyuarat General Advisor No. 855/1934.

<sup>29</sup> Lihat surat General Advisor, Johore, W.E. Pepys kepada Setiausaha, Pesuruhjaya Tinggi Negeri-Negeri Melayu, Singapore bertarikh 20 Disember 1936. Fail General Advisor No. 855/1934.

<sup>30</sup> Lihat surat General Advisor, Johore, W.E. Pepys kepada Jurutera, Fort Canning, Singapore bertarikh 3 Februari 1937. Fail General Advisor No. 855/1934.

<sup>31</sup> Memorendum General Advisor kepada Commisioner of Lands & Mines, Johore Bahru bertarikh 7 Oktober 1935. Lihat Fail General Advisor no. 704/1935.

<sup>32</sup> Lihat surat Setiausaha Local Defence Committee, Fort Canning, Singapore kepada General Advisor, Johore bertarikh 14 Oktober 1935. Fail General Advisor No. 704/1935.

<sup>33</sup> Lihat surat dari General Advisor kepada Setiausaha, Local Defence Committee, bertarikh 22 Oktober 1935. Fail General Advisor, No. 704/1935.

<sup>34</sup> Ibid.

<sup>35</sup> Lihat surat peguam Rodyk & Davidson, Singapore kepada General Advisor, bertarikh 16 Nov. 1934. Fail General Advisor No. 800/1934.

<sup>36</sup> Ibid.

<sup>37</sup> Lihat surat General Advisor, R.O. Winstedt kepada Messrs. Rodyk and Davidson, bertarikh 11 Dis. 1934. Fail General Advisor No. 800/1934.

<sup>38</sup> Lihat Victor Purcell, *The Chinese in Malaya*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1967, hlm. 241.

<sup>39</sup> Lihat surat dari Setiausaha Sulit Sultan Johor, beralamat Grosvenor House, Park Lane, London kepada Menteri Besar Johor bertarikh 5 Ogos 1937. Fail Menteri Besar No. 332/37.

<sup>40</sup> Lihat surat Menteri Besar Johor kepada Kapten Sheikh Abdullah bin Yahaya, dari Setiausaha Sulit Sultan Johor, bertarikh 21 Ogos 1937. Fail Menteri Besar No. 322/37.

<sup>41</sup> Lihat memorandum yang dikeluarkan oleh Commisioner of Land & Mines, Johore bertarikh 17 Ogos 1937. Fail Menteri Besar No. 332/1937.

<sup>42</sup> Ibid.

<sup>43</sup> Ibid.

<sup>44</sup> Surat dari Pesuruhjaya Tinggi Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu, John Scott kepada Colonial Office, 22 Dec. 1930 Lihat General Advisor No. 696/1930.

<sup>45</sup> Lihat surat dari British Consulate, Tokyo bertarikh 28 Jun 1930. Lihat General Advisor, No 696/1930 bil. 32.

<sup>46</sup> Ibid

<sup>47</sup> Kemungkinan ladang getah kepunyaan Syarikat Consolidated Sango Koshi Ltd., yang terletak di Pengerang.

<sup>48</sup> Surat Setiausaha Kerajaan kepada Yang DiPertua Town Board (Majlis Bandaran), Johor Bahru bertarikh 4 September 1933. Lihat Fail Menteri Besar No. 228/1933.

<sup>49</sup> Lihat surat dari Menteri Besar Johor kepada Sheikh Abdullah bin Yahaya, Setiausaha Sulit Sultan Johor bertarikh 14 April 1935. Lihat Fail Menteri Besar No. 249/1935.

<sup>50</sup> Lihat surat dari P. Cunliffe-Lister, Colonial Office kepada Pesuruhjaya Tinggi, Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu bertarikh 23 Mei 1934. Fail General Advisor No. 400/1934.

<sup>51</sup> Eric Robertson, *The Japanese File*, hlm. 100

<sup>52</sup> Kanaji Kitagawa pernah tinggal di Muar selama lima tahun. Beliau bekerja sebagai pembantu perubatan di Nippon Dispensary, Muar. Beliau digambarkan sebagai orang yang bertanggungjawab terhadap kerjayanya, hubungan sosial dan kehidupan peribadinya. Kemudian beliau melibatkan diri dalam perniagaan kecil alat-alat perubatan di Semrah (Semerah), sebuah pekan kecil di sempadan daerah Muar dan Batu Pahat. Setelah menjalankan perniagaannya selama dua tahun, beliau telah berhijrah ke Singapura.

<sup>53</sup> Lihat Fail General Advisor, No. 390/1931.

<sup>54</sup> Lihat surat President, Muar Japanese Society kepada Setiausaha Sulit Sultan Johor bertarikh 19 Ogos 1935. Fail Menteri Besar bertarikh 20 Ogos 1935. Fail Menteri Besar No. 307/1935.

<sup>55</sup> Ibid.

<sup>56</sup> Lihat surat Setiausaha Sulit Sultan Johor kepada Menteri Besar bertarikh 20 Ogos 1935. Fail Menteri Besar No. 307/1935.

<sup>57</sup> Lihat surat dari T. Fukuda kepada Dato Menteri Besar, Johor Bahru.

<sup>58</sup> Chong Bee adalah seorang penoreh getah dan kontraktor pembersihan yang bekerja dengan Estet Pengerang selama lebih 20 tahun. Beliau juga merupakan ketua kaum Kantonis.

<sup>59</sup> Lihat Fail General Advisor No. 79/1932.

<sup>60</sup> Kenyataan ini merupakan laporan yang dikeluarkan oleh Protector of Chinese, Johore. Lihat General Advisor No. 79/1932.

<sup>61</sup> Surat Setiausaha Kerajaan Johor kepada Pengurus, Sango Koshi bertarikh 12 Mac 1932.

<sup>62</sup> Surat P.M.O. kepada General Advisor, No. 399/16, 13 Jun 1916.

<sup>63</sup> Ibid.

<sup>64</sup> Surat dari Imperial Japanese Consulate kepada F.J. Weld Esquire, Acting General Advisor of Johore, 22 June, 1916.

## BIBLIOGRAFI

### Sumber Rasmi:

Fail General Advisor, Johore, 1930-1936, 1941-1942.

Fail Pejabat Daerah, Pengerang

Fail State Secretary, Johore, 1900-1941

Fail Menteri Besar, Johore, 1935-1936, 1941

Fail Pejabat Daerah, Kota Tinggi

Fail Land Office, Kota Tinggi, 1933-1936

### Buku dan Artikel

Abdul Malek Munip, *Bandar Maharani dan Daerah Muar 1884-1920: Peribumi dan Pemodenan*, Persatuan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur, 1984.

Chin Kee Onn, *Malaya Upside Down*, Federal Publications, Singapore, 1976.

Chin Kee Onn, *Ma-rai-ee*, Eastern Universities Press, Singapore, 1981.

Coope, A.E., "The Kangchu System in Johore", *JMBRAS*, Vol. XIV, Part 3, 1936.

Fawzi Basri, M.A. *Sistem Kangcu Dalam Sejarah Johor 1844-1917*, Persatuan Sejarah Malaysia, Kuala Lumpur, 1984.

Ismail Hussein, *Hikayat Negeri Johor: A Nineteenth Century Bugis History Relating Events in Riau and Selangor*, MBRAS, Kuala Lumpur, 1979.

Lebra, Joyce C., *Japanese-Trained Armies in Southeast Asia*, Heinemann Educational Books, Kuala Lumpur, 1977.

Purcell, V, *The Chinese in Malaya*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, 1967.

Rahimah Abdul Aziz, "Pengalaman Lepas dan Pembentukan Masa Depan Malaysia: Buruh di Johor, 1800-1945", *Kertas Kerja Seminar Sejarah Malaysia Moden*, UKM, Bangi, 21-22 Dis. 1992.

Robertson, E, *The Japanese File: Pre-War Japanese Penetration in Southeast Asia*, Heinemann Asia, Singapore, 1986.

Winstedt, R.O., *A History of Johore*, JMBRAS, No. 6, Kuala Lumpur, 1979.

**LAMPIRAN 1**

<b>Bil. Nama Syarikat</b>	<b>Mukim</b>	<b>Kegiatan</b>
1. Consolidated Sango Koshi Ltd.	Pengerang	Getah
2. Telok Sengat Estate	Johor Lama	Getah
3. Telok Sengat Estate	Johor Lama	Kelapa
4. Panchor Rubber Estate	Johor Lama	Getah
5. Fukuda Rubber Estate	Johor Lama	Getah
6. Tg. Langsar Rubber Estate	Sg. Tiram	Getah
7. Sungei Seluyot Rubber Estate	Kota Tinggi	Getah
8. Ishihara Sangyo Koshi Ltd.	Kota Tinggi	Getah

**LAMPIRAN 2**

<b>Bil. Nama Pemilik</b>	<b>Mukim</b>	<b>Kegiatan</b>
1. Dr. Monji Kamimura	Sungei Seluyot	
2. Tan Yew Kwee & Monji Kamimura	Sungei Seluyot	
3. Isamu Nishioka	Sungei Seluyot	
4. K. Akotani	Ayer Bintan, Tg. Surat	
5. Fukuyama Todhi	Township	
6. Mawai Rubber Co. Ltd.	Bt.1, Jln. Mawai K.T.	Getah
7. Jumichiro Ando	Sungei Tiram	Getah
8. Nanyo Gomu K. Kaisha	Panchor, J.Lama	Getah

9. Nanyo Gomu TokuShoku K. Kaisha	Tg. Langsat, Sg. Tiram	Getah
10. Kuaran Sugahara	Nam Heng	Getah
11. Shigeru Izuka	Mawai	Getah
12. Shigeru Izuka	Lubok Pusing, Kambau	Perlombongan
13. Tokunaga Yoshi	Pantai, Kota Tinggi	
14. Showa Gomu Kabushiki Kaisha	Telok Sengat, J. Lama	Getah
15. Nissan Nohrin Kogyo Kabushiki Kaisha	Jalan Lombong	Getah
16. Ishihara Sangyo Koshi	Bt.8, Jln.Lombong	Getah
17. Consolidated Sango Koshi Ltd.	Pengerang	Getah
18. Mazao Yoshida & Others	Telok Sengat, J. Lama	

### LAMPIRAN 3

#### SENARAI NAMA PERWAKILAN KOMUNITI JEPUN DI JOHOR BAGI TAHUN 1933

1. Takeo Hoshizaki Esq.  
Sango Koshi  
No. 21, Beach Road, Singapore
2. Eijiro Uo Esq.  
Senda Rubber Estate, Renggam  
c/o Raffles Chambers, Singapore
3. Rikita Sakai Esq.  
The Tropical Planters Association of Japan  
No. 9, Mount Rosie, Singapore
4. Chiharu Tomioka Esq.  
Sango Koshi, Pengerang  
c/o No. 21, Beach Road, Singapore

5. Kiyoshi Yoshiwara Esq.  
Nan Ah Koshi, Scudai  
c/o No. 21, Beach Road, Singapore
6. Shigetaro Matsuzaki Esq.  
The United Society of Japanese Planters  
Nanyo Rubber Co., Ltd., Kota Tinggi, Johore
7. Yoshio Nishimura Esq.  
Ishihara Sangyo Koshi  
Union Building, Singapore
8. Hidehiko Fukushima Esq.  
Senai Rubber Estate, Senai, Johore.
9. Shiro Makino Esq.  
Midland, Johore Rubber Estate, Kulai, Johore
10. Toichi Fukuda Esq.  
President, Johore Japanese Society, Johore Bahru
11. Shiro Yamamura Esq.  
Mawai Rubber Estate, Kota Tinggi
12. Tsuneo Nakagawa Esq.  
Nanshin Rubber Estate, Kota Tinggi, Johore

#### **LAMPIRAN 4**

#### **SENARAI PENGUSAHA JEPUN YANG MENYUMBANGKAN PEMBINAAN KEBUN BUNGA JEPUN DI KEBUN BUNGA ISTANA BESAR, JOHOR BAHRU**

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Alamat</b>
1.	Takeo Hoshizaki	General Manager, Sango Koshi Rubber Estate 17, Beach Road, Singapore
2.	Rikita Sakai	Representative, The Tropical Planters Association of Japan 7, Mt. Rosie Rd. Singapore
3.	Yuzo Takemoto	Manager, Nippon Sangyo Rubber Estate (Johore Rubber Estate) Batu Pahat
4.	Kiyoshi Yoshihara	Manager, Nan Ah Koshi Rubber Estate Kota Tinggi

5. Hideo Gosoh                      Manager, Langsat Rubber Estate,  
Langsat Kota Tinggi
6. Yoshinobu Kuretake            Manager, Langsat Rubber Estate Kota Tinggi
7. Fukutaro Kitazumi              Manager, Hayami Rubber Estate Kota Tinggi
8. Shiro Yamamura                Manager, Mawai Rubber Estate Kota Tinggi
9. Tsuneo Nakagawa              Manager, Nishin Rubber Estate Kota Tinggi
10. Hideo Fukushima              Manager, Senai Rubber Estate Senai, Johore
11. Shiro Makino                  Manager, Midland Johore Rubber Estate Kulai
12. Mutsuo Suzuki                Manager, Yuh Fuku Rubber Estate Kota Tinggi
13. Saichiro Ikeda                Manager, Ishihara Sangyo Koshi Ltd.  
Union Building, Singapore
14. Hiromichi Maikawa            Manager, Ishihara Sangyo Koshi Ltd.  
Union Building, Singapore
15. Toichi Fukuda                Representative, Johore Japanese Society  
Johor Bahru
16. Sadajo Miyake                Representative, Batu Pahat Japanese Society  
Batu Pahat
17. Yoshita Nakamura            Representative, Muar Japanese Society  
Muar
18. Kurahachi Fukuda            Representative, Echigoya & Co. Ltd.  
Middle Road, Singapore
19. Hiroshi Unagami              Manager, Yokohama Specie Bank, Ltd.  
Mayor Chambers, Singapore
20. Takeji Kaneta                 Manager, The Bank of Taiwan, Ltd.  
Raffles Place, Singapore
21. Kisashi Matsumoto            Manager, Mitsui Bussan Kaisha, Ltd.  
K.P.M. Chambers, Singapore
22. Masaru Yamaguchi            Manager, Mitsubishi Shoji Kaisha Ltd.  
Union Building, Singapore



23. Kiyoshi Morino                      Manager, Nippon Yusen Kaisha Ltd.  
Mayor Chambers, Singapore
24. Ren Ishigaki                         Manager, Osaka Shosen Kaisha, Ltd.  
De Souza Street, Singapore
25. Ejiro Uo                                Manager, Senda & Co., Ltd.  
Raffles Chambers, Singapore
26. Hiromichi Ueda                     Manager, Kohyei & Co. 8-B,  
Raffles Quay, Singapore
27. Kiyoji Ueda                         Manager, Nomura & Co.  
Union Building, Singapore
28. Kiichi Gunji                         1, Chatsworth Avenue, Singapore
29. Kiyoshi Ohmura                     Manager, Nippon Mining Co. Ltd. Singapore.

## LAMPIRAN 5

### SYARIKAT JEPUN YANG TERLIBAT DALAM KEGIATAN PERLOMBONGAN DI JOHOR

Sykt. Pemajak	Daerah	Mukim	Galian	Keluasan
Ishihara Sangyo Kishi	Batu Pahat	Spg. Kiri	Bijih besi	146.1.35
Ishihara Sangyo Kishi	Batu Pahat	Spg. Kiri	Bijih besi	383.3.10
Ishihara Sangyo Kishi	Batu Pahat	Spg. Kanan	Bauksit	8.0.33
Ishihara Sangyo Kishi	Kota Tinggi	Sedili Besar	Bijih Besi	115.3.00
Shigeru Iizuka	Mersing	Sembrong	Bijih Besi	189.1.30
Shigeru Iizuka	Mersing	Mersing	Bijih Besi	514.2.00
Shigeru Iizuka	Mersing	Sembrong	Bijih Besi	111.1.10
Shigeru Iizuka	Kota Tinggi	Kambau	Wolferam	18.3.03